

Cuepacs Johor erat hubungan dengan Kesatuan di Sabah

UB 30.11.13 8

KOTA KINABALU: Seramai 21 orang delegasi Kongres Kesatuan Pekerja Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Bahagian Johor telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Sabah, baru-baru ini.

Rombongan itu turut mengunjungi Exco Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) untuk melaksanakan misi mengeratkan hubungan silaturrahim antara kedua-dua pihak.

Menurut Pengerusi Cuepacs Bahagian Johor, Mohd Salman Jais, hubungan antara Kesatuan berkenaan sebenarnya sudah

lama terjalin lebih-lebih lagi hubungan bersama Kesatuan Kakitangan di Universiti Teknologi Malaysia.

Katanya, melalui lawatan seperti ini kedua-dua Kesatuan akan dapat bertukar-tukar pendapat antara satu dengan yang lain dan dapat berkenalan dengan lebih dekat.

Beliau yang juga ketua rombongan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kesatuan Kakitangan Am UMS di bawah pimpinan Presidennya, Amat Jutrah Haji Musnih kerana telah memberikan kerjasama yang amat baik.

“Kami mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Pengurusan UMS khususnya Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Haji Mohd Harun Abdullah serta pegawai-pegawai UMS yang memberikan sokongan terhadap lawatan tersebut,” katanya.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah, Amat Jutrah mengucapkan terima kasih kepada rombongan Cuepacs Johor kerana memilih UMS sebagai lokasi kunjungan pertama mereka dalam siri jelajah ke Negeri Di Bawah Bayu.

Sebelum sesi taklimat dan perjumpaan berkenaan semua Jawatankuasa Cuepacs Johor telah mengadakan satu mesyuarat khas di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif Tingkat 6, Blok Selatan Bangunan Canselori UMS.

Rombongan Cuepacs Johor dan Cuepacs Sabah turut mengadakan perjumpaan yang turut dihadiri Presiden Cuepacs, Dato' Omar Osman.

ROMBONGAN Cuepacs Johor merakam kenangan di UMS Kota Kinabalu.

